



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Projek Semakan dan Tindakan Pembetulan Bahan dari Bilik Aspirasi

Menginovasi Penyelesaian



Pada 17 Mac – 8 April 2025, satu usaha telah dilakukan bagi menyelesaikan bahan-bahan yang dibiarkan dalam satu troli di Bilik Aspirasi. Bahan-bahan tersebut kebanyakannya merupakan tesis-tesis lama.

Usaha projek ini telah dilakukan oleh penyelaras projek iaitu En. Mohamad Admin dan turut dibantu oleh staf Unit Sirkulasi PSZ iaitu Puan Rafiqah Hakima, Puan Fatin Inani, dan Puan Hameezah.

Objektif bagi projek ini adalah bertujuan menyemak dan menyiasat mengapa bahan ini dibiarkan begitu lama di Bilik Aspirasi dan tiada tindakan langsung dilakukan terhadap bahan-bahan yang dibiarkan ini.

Difahamkan, bahan-bahan ini adalah bahan yang diasingkan kerana berstatus *not found* atau barkod *not found* bersempena dengan projek pemasangan RFID Tag oleh *team* USK terdahulu.

Menginovasi Penyelesaian

www.utm.my

Proses kemaskini ini dimulakan dengan menyemak kesemua bahan-bahan tersebut. Bahan yang disemak ada maklumat di dalam sistem dan boleh ditampal barkod sendiri oleh staf, diasingkan dan disusun semula di rak.

Manakala bahan-bahan yang bermasalah dan tidak mempunyai maklumat dalam sistem, salah naskhah salinan atau salah lokasi, diasingkan untuk dihantar ke unit Katalog.

Setelah selesai semakan dan menyiapkan senarai yang diperlukan, bahan-bahan tersebut dihantar ke Unit Katalog dan diserahkan kepada Puan Norhafizah Daud Kaiyin untuk diuruskan.

Akhir sekali, setelah Unit Katalog selesai menginput semula semua bahan yang bermasalah, bahan-bahan tersebut diserahkan semula kepada staf USK untuk disusun semula di rak.

PROSES KERJA

1. Bahan-bahan disemak dan diasingkan.



Menginovasi Penyelesaian

2. Bahan-bahan yang mempunyai katalog dalam sistem diasingkan, ditampal barkod dan disusun semula di rak.



Menginovasi Penyelesaian

3. Satu senarai Correct_CT atau Tindakan Pembetulan dibuat bagi bahan-bahan yang bermasalah dan dihantar ke Unit Katalog.



Menginovasi Penyelesaian

TERIMA KASIH



univteknologimalaysia



utm.my



utmofficial